



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 6/2019**

**SEMUA PEMEGANG LESEN TEKSI BANDAR & LUAR BANDAR
DI NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**LIBERALISASI WARNA
KELAS LESEN TEKSI BANDAR & LUAR BANDAR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen Teksi Bandar dan Teksi Luar Bandar berhubung liberalisasi warna badan kenderaan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa ini, pemegang lesen teksi bandar dan luar bandar adalah tertakluk kepada warna badan seperti yang telah ditetapkan Pekeliling Bil.1/2019.

2.2 Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Bil.8/2019 telah menimbang dan bersetuju meliberalkan warna badan kelas lesen teksi tersebut.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Semua pemegang lesen teksi bandar dan luar bandar yang akan mengganti kenderaan baharu dibenarkan beroperasi dengan warna asal daripada kilang atau bebas menggunakan apa-apa warna.

3.2 Teksi-teksi sedia ada dibenarkan untuk kekal dengan warna sedia ada ataupun boleh menukar kepada warna yang dibenarkan.

3.3 Walaupun kebebasan diberikan pada warna badan kenderaan, terdapat beberapa larangan yang dikenakan seperti:

- a) melebihi dua (2) ton warna;
- b) berbelang-belang;

PEKELILING LPKP SABAH BIL. 6/2019

- c) menyerupai warna atau corak rasmi kenderaan mana-mana agensi penguat kuasa;
 - d) menyerupai mana-mana kenderaan pengangkutan awam lain; dan
 - e) bercorak/ bergambar selain iklan yang dibenarkan oleh JPJ.
- 3.4 Teksi-teksi kelas bandar dan luar bandar masih wajib mematuhi peraturan-peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan seperti pada Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pengangkutan Perdagangan) bagi tanda badan seperti mengecat di pintu-pintu hadapan kenderaan maklumat tempat teksi dibenarkan beroperasi dan bilangan penumpang yang dibenarkan.
- 3.5 Selain itu, teksi-teksi kelas bandar dan luar bandar juga wajib memasang struktur panel di atas bumbung kenderaan dan mempunyai diod pemancar cahaya (*Light Emitting Diode* – L.E.D) yang mempamerkan perkataan 'TEKSI'.

4.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

- 4.1 Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.
- 4.2 Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, sebarang arahan/ pekeliling yang berkaitan sebelum ini adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(ARFIAN BIN JULIAN)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

11 November 2019

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia, Sabah
Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, Sabah
Pengurus PUSPAKOM, Sabah
Ketua Polis W.P. Labuan
Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, W.P. Labuan
Pengurus PUSPAKOM, W.P. Labuan